

35 kios sistem francais

Daily Fresh komited luas pasaran dengan buka cawangan baru menjelang akhir 2013

>>Oleh Sri Ayu Kartikawati Amri
kartika@hmetro.com.my

SYARIKAT perniagaan makanan segera berasaskan jagung, Daily Fresh Foods Sdn Bhd (Daily Fresh) komited untuk memperluaskan lagi pasarnya di negara ini apabila merancang membuka 35 kios baru menjelang akhir 2013 menerusi sistem francais.

Pengurus Pembangunan Francaisnya, Mohd Asyraf Yong berkata, daripada 35 kios berkenaan, lima akan dibuka di Sarawak pada 2013 berikutan pertumbuhan permintaan pasaran membebankan di negeri Malaysia Timur itu.

Beliau berkata, berbekalkan modal permulaan sebanyak RM100,000 serta bantuan dan bimbingan berterusan, pihaknya yakin dapat mencapai sasaran menambah kios baru kepada keseluruhan 140 cawangan di se-

luruh negara tahun depan.

"Bermula separuh kedua tahun ini, kami merancang membuka 10 kios, manakala 25 lagi akan dibuka pada tahun depan sekali gus memberi peluang kepada mereka yang ingin membuka francais Daily Fresh.

"Malah dengan pelaburan RM100,000 ia turut merangkumi yuran francais sebanyak RM25,000, kos membuka kios antara RM40,000 hingga RM60,000 dan deposit sewa sebanyak RM20,000," katanya kepada Bisnes Metro.

Menurutnya, Daily Fresh Foods, pemegang lesen francais induk kios snek Daily Fresh kini memiliki 105 cawangan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak dengan 66 kios beroperasi secara francais dan 39 lagi dimiliki oleh syarikat itu.

Asyraf berkata, ketika ini Daily Fresh menawarkan empat produk iaitu jagung, wafto (wafer), ice-kimo dan geleto tempo (ais krim) dan

sasaran membuka 35 kios juga merangkumi pembukaan kios Daily Fresh di Kedai Mesra Petronas yang mana mampu mengukuhkan dan meningkatkan akses operasi perniagaannya kepada pelanggan.

"Kami bakal bekerjasama dengan Petronas untuk membuka kios di Kedai Mesra. Ia adalah perniagaan berpotensi kerana setakat ini Petronas memiliki kira-kira 490 stesen minyak di seluruh negara.

"Buat masa ini, kami sedang meninjau lokasi stesen minyak Petronas yang berstatus serta sesuai sebelum ia ditawarkan kepada bakal francais dan lebih menarik bakal francais bagi kios di Kedai Mesra itu akan menikmati rebat RM10,000 dalam bentuk stok produk daripada jumlah pelaburan keseluruhan yang melebihi RM100,000," katanya ketika ditemui, Bisnes Metro, di sini, semalam.



LAZAT... Asyraf menunjukkan kios Daily Fresh yang menjual pelbagai produk termasuk aiskrim.

Butik eksklusif Jeep

JORDONE Corporation Sdn Bhd, pemegang lesen bagi pakaian jenama Jeep akan membuka butik eksklusif Jeep menjelang akhir 2013 berikutan jenama itu mempunyai potensi untuk terus berkembang.

Ketua Pegawai Operasi Jordone, Eric Loke berkata, setakat ini koleksi daripada jenama Jeep dipasarkan melalui pusat membeli-belah dan kedai konsep yang turut menempatkan jenama lain di bawah kumpulan Jordone.

"Setakat ini, kami memasarkan koleksi Jeep melalui pusat membeli-belah dan kedai konsep di bawah pengurusan kumpulan yang dikenali sebagai Outfitters Studio," katanya kepada Bisnes Metro.



TERBARU...sebahagian koleksi pakaian terbaru Jeep.

Menurutnya, butik eksklusif Jeep itu dijangka mengentengahkan konsep keluarga memandangkan jenama berkenaan menampilkan koleksi untuk lelaki, wanita dan kanak-kanak.

"Ia bukan sekadar butik pakaian biasa kerana kami akan mengentengahkan konsep keluarga bagi memberi peluang pelanggan mendapatkan pakaian yang sesuai untuk seisi keluarga hanya dengan mengunjungi satu

lokasi," katanya.

Sementara itu, Loke berkata, pihaknya kini mengadakan siri jelajah jualan amal Jeep sejak 1 Julai lalu yang menawarkan diskaun sehingga 70 peratus dengan lima peratus daripada hasil jualan akan disumbangkan ke Persatuan Pencinta Alam (MNS).

"Kempen ini adalah sebahagian daripada tanggung-

jawab sosial korporat (CSR) kami dalam mengajak pelanggan menyumbang kepada aktiviti untuk kepentingan alam sekitar bersesuaian jenama Jeep yang sinonim dengan aktiviti lasak," katanya.

Menurutnya, siri pertama diadakan di Plaza Sungai Wang dan akan disusuli di The Curve mulai 10 hingga 18 Julai ini.

Sasar perolehan RM65j setahun

LUBRI Oil Corp (M) Sdn Bhd, cabang pemasaran dan dagangan untuk minyak pelincir, produk petrol dan petrokimia yang dikilangkan oleh anak syarikatnya Lubri Oil Manufacturing Sdn Bhd, menasaskan perolehan sebanyak RM65 juta setiap tahun, berbanding RM3 juta tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif, Nurul Asyiqin Shamsuri, berkata jualan sebanyak RM3 juta itu dicapai tanpa sebarang pengiklanan serta promosi dan yakin strategi baru syarikat akan mendorong perniagaan.

"Kami juga mengadakan pameran di seluruh negara untuk mempromosikan jenama kami, meningkatkan bilangan pengedar kami daripada 60 yang ada sekarang kepada 300 dan mencapai lima peratus penguasaan dalam pasaran minyak pelincir tempatan," katanya pada majlis pelancaran jenama pelincir barunya, Avante.

Pembetulan

Touch 'n Go Sdn Bhd mengunjurkan jualan sebanyak 1.5 juta kad Touch 'n Go biasa atau kad rekan khas tahun ini dengan anggaran nilai kasar RM15 juta, bukan seperti yang disiarkan semalam. Kesilapan amat dikesali.

KERJA SAMBILAN

Jangan lepaskan peluang keemasan ini. Tambah RM anda secara santai dan mesra.

Terbuka kepada semua warga Malaysia, Sabah dan Sarawak yang berumur 16 tahun ke atas sahaja. Warga asing yang berada di Malaysia juga digalakkan memohon. Tanpa pengalaman. Boleh membaca dan menulis. Pendapatan sehingga RM1000 sebulan walaupun secara sambilan. Gaji dibayar tunai pada setiap minggu atau bulan. "Anda boleh bekerja pada bila-bila masa sahaja"

Kami adalah syarikat yang menguruskan katalog jualan di dalam dan luar negara. Untuk mengembangkan perniagaan ini, anda dijemput bersama kami untuk turut serta mengambil bahagian dalam proses penyediaan katalog jualan ini. Anda akan dibekalkan dengan katalog jualan. Anda cuma perlu susun mengikut susunan yang betul, kepilkan, lipat dan masukkan ke dalam sampul surat. Mudah dan ringkas. Agen kami di seluruh daerah dan negeri akan membekalkan bahan-bahan ini secara percuma.

Setiap 1000 set katalog yang anda siap, anda akan menerima minima RM25.00 Jika 2000 set, anda akan mendapat minima RM50.00 dan seterusnya. Jumlah set katalog akan ditentukan oleh anda sendiri. Jumlah ini tidak terhad. Anda tidak perlu risau jika gagal menyiapkan tugas ini. Anda hanya akan dibayar berdasarkan tugas yang siap sahaja. Kami akan bekerjasama sepenuhnya. Tiada tekanan dari pihak kami.

Bagi anda yang sedang mencari-cari peluang untuk menambahkan pendapatan isruah secara sambilan, program ini adalah antara yang paling sesuai untuk dipraktikkan. Anda juga boleh melakukannya sepenuhnya masa.

REGISTER NOW!!

Masa itu emas... jangan biarkan ia bertelebu saja... Isikan masa anda dengan aktiviti yang boleh mendatangkan wang untuk keperluan masa akan datang.

Gambar di atas adalah antara contoh katalog yang perlu anda siapkan.

Selain dari katalog jualan, kami juga menawarkan kerja sambilan dalam bidang pengungkusan seperti memasukkan belon ke dalam plastik dan lain-lain lagi.

Anda akan menerima RM15.00 bagi setiap 1000 pek belon yang berjaya disiapkan. Setiap peserta akan dinilai jika ingin menambah jumlah bilangan pek pada setiap masa.

PENDAFTARAN DIBUKA SEKARANG.. Jangan buang masa, hantarkan envelop 4" x 9", bersemet 30 sen, bernama dan beralamat anda sendiri untuk menyertai program kerja sambilan ini ke:

Home Innovative (M) Sdn. Bhd.
P.O. Box 7113, 40704 Shah Alam, Selangor.

*Nombor telefon hanya akan diberikan kepada ahli yang telah berdaftar sahaja. Terima Kasih.